

## Pulau Pinang setuju penyerahan MDEP - PBAPP

30/09/2020 04:18 PM



Datuk Jaseni Maidinsa

GEORGE TOWN, 30 Sept -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) bersetuju untuk mengambil semula Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) yang diperbesarkan dari Kerajaan Persekutuan pada 26 Oktober ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Jaseni Maidinsa berkata kerajaan Pulau Pinang telah bersetuju untuk penyerahan Fasa 1 dan Fasa 2A Projek MDEP ketika pertemuan di antara Ketua Menteri, Chow Kon Yeow dengan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) Datuk Seri Ibrahim Tuan Man di Putrajaya pada 24 Sept, baru-baru ini.

“MDEP adalah projek kerajaan persekutuan yang dibiayai oleh geran persekutuan.

Pelaksanaannya adalah satu daripada syarat utama yang dipersetujui ketika Pulau Pinang berhijrah ke Inisiatif Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Nasional (NWSRI) pada tahun 2011,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata walaupun MDEP belum berfungsi sepenuhnya, namun tindakan mengambil alih pengurusan Empangan Mengkuang disifatkannya adalah wajar kerana taburan hujan yang sangat rendah kesan perubahan iklim sejak tahun 2019, serta kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang adalah luar biasa rendah.

“Kita memerlukan akses penuh kepada rizab air mentah di Empangan Mengkuang untuk menguruskan perkhidmatan bekalan air berterusan pada musim kemarau berikutnya, yang dijangka bermula pada Januari 2021. Oleh itu, alasan utama penyerahan MDEP adalah pengurusan risiko,” katanya.

Jaseni berkata KASA memaklumkan bahawa pengambilan tanah untuk Fasa 2B adalah pada peringkat akhir manakala pakar runding untuk kajian kebolehlaksanaan Fasa 2C telah dilantik dan pembinaan baraj baharu di Rantau Panjang (Pulau Pinang) akan dibincangkan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan.

“Tanpa Fasa 2C Rumah Pam Lahar Yooi, kami tidak dapat mengepam air mentah dari Sungai Muda untuk mengisi semula Empangan Mengkuang dengan cepat pada musim hujan setiap tahun.

“Pulau Pinang memerlukan MDEP yang berfungsi sepenuhnya secepat mungkin kerana kita sebuah negeri yang menghadapi risiko air mentah yang ketara pada era perubahan iklim ini,” tambahnya.